

Usahawan inkubasi usahakan Putra Garden Cafe K-Shoppe

PUTRA Garden Cafe K-Shoppe My Agrosis Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan salah satu daripada program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara universiti berkenaan bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertanian Industri Asas Tani.

Kelab MyAgrosis adalah satu projek yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 17 Disember 2012.

Program tersebut merupakan aktiviti yang dilaksanakan bagi menyokong dasar kerajaan bagi melahirkan usahawan siswazah di semua universiti awam berasaskan bidang pertanian.

Usaha tersebut selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian negara agar lebih konsisten dengan penggunaan teknologi terkini.

Selain itu, adalah diharapkan hasil akhir bagi program tersebut dapat membantu kerajaan mencapai status maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Kelab tersebut yang disertai oleh pelajar dan peserta program pembangunan usahawan iaitu



Usaha tersebut selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian negara agar lebih konsisten dengan penggunaan teknologi terkini."

program inkubasi usahawan tani.

Sehingga kini, seramai 700 ahli kelab telah berdaftar dan melaksanakan pelbagai projek sama ada di dalam kampus atau di luar kampus.

Pelbagai aktiviti turut dilaksanakan oleh kelab tersebut antaranya adalah penubuhan Putra Garden Cafe K-Shoppe MyAgrosis UPM.

Projek tersebut dijadikan pameran kepada perniagaan komersial bagi kelab MyAgrosis UPM.

Pelaksanaan projek itu juga secara langsung dapat menzahirkan kerjasama yang erat antara UPM, Lembaga Pemasaran Pertanian

PUTRA Cafe UPM diwujudkan bersebelahan Fakulti Pertanian merupakan antara hasil kejayaan awal Program Inkubasi Usahawan tani.



Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Pertanian menerusi Jawatankuasa Pemandu MyAgrosis UPM.

Oleh itu, projek berkenaan memainkan peranan sebagai pusat jualan pelbagai produk UPM yang secara langsung akan menawarkan produk UPM

kepada komuniti.

Seterusnya, ia meningkatkan imej UPM sebagai universiti terkemuka yang boleh menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan. Pusat itu juga mempromosikan pelbagai produk yang dihasilkan oleh UPM menerusi pelbagai aktiviti

promosi secara berkala.

Selain itu, pusat tersebut juga adalah sebagai pusat latihan dan pembelajaran secara komersial bagi pelajar dalam program keusahawanan UPM serta pusat melaksanakan pelbagai penyelidikan dalam bidang pemasaran.

FAKTA

Putra Garden Café K-Shoppe MyAgrosis UPM mula beroperasi pada 1 Mac 2016 oleh tiga orang peserta Program Inkubasi Usahawantani.

Ketiga-tiga peserta berkenaan diberikan tempoh di antara dua hingga tiga tahun sebelum mereka meneruskan perniagaan di luar UPM.

Peserta dikehendaki menyediakan modal sendiri untuk mengoperasikan projek tersebut dan mereka perlu membayar sewa bulanan kepada UPM.

Projek itu juga telah dibangunkan dengan kos sebanyak RM343,316 yang menggunakan peruntukan UPM dan FAMA di bawah MOA.



um
8/9/16
ms: 27